

**UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI
MERANGKAP MENTERI PEMBANGUNAN
LUAR BANDAR DI PEMBUKAAN PERSIDAN-
GAN PERTAMA AHLI-AHLI PERBADANAN
WANG SIMPANAN BAKAL-BAKAL HAJI DI BA-
NGUNAN KEMENTERIAN KESELAMATAN
DALAM NEGERI, JALAN BROCKMAN, KUALA
LUMPUR PADA 21HB MAC, 1963**

Saya berasa amat sukacita pada pagi ini kerana mendapat kesempatan berjumpa dengan sekalian Ahli-ahli Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji¹ yang akan bersidang pada kali pertamanya.

Sebagaimana tuan-tuan sedia maklum bahawa undang-undang menubuhkan Perbadanan ini telah pun diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam bulan Ogos tahun 1962 dan undang-undang tersebut telah pun dikuatkuasakan pada 1hb November tahun itu juga. Tetapi Perbadanan ini sendiri baharu sahaja ditubuhkan pada 1hb Mac tahun ini berikutan dengan perlantikan Ahli-ahli pada tarikh yang tersebut itu juga.

Saya suka nyatakan di sini iaitu wujudnya Perbadanan ini adalah hasil daripada laporan-laporan jawatankuasa di bawah pimpinan Menteri Muda Tuan Haji Khalid bin Awang Osman².

CATITAN:

¹ Ahli-ahli Pengurus Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji yang telah dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agung adalah seperti berikut:

Yang Mulia Tunku Mohammed bin Tunku Besar Burhanuddin (Pengerusi);

Gabnor Bank Negara Persekutuan Tanah Melayu atau wakilnya;

Setiausaha Perbendaharaan Persekutuan Tanah Melayu atau wakilnya;

Tuan Haji Ali Rouse, Pegawai Pengawal Jemaah Haji P.T.M.;

Tuan Haji Ali bin Haji Ismail, J.M.N., J.P. (Kedah), sebagai wakil penyimpan wang; dan

Seorang lagi bagi wakil penyimpan-penyimpan wang yang akan dilantik tidak berapa lama lagi.

² Menteri Muda Perdagangan dan Perindustrian.

Sesungguhnya soal menyempurnakan Rukun Islam yang kelima itu adalah suatu soal yang sangat besar yang mendapat perhatian yang sangat berat di kalangan sekalian orang-orang Muslimin dan Muslimat di Persekutuan Tanah Melayu. Pada tiap-tiap tahun lebih daripada 5,000 orang pergi menyempurnakan Rukun Haji yang memakan belanja tiada kurang dari tujuh juta ringgit.

Wang perbelanjaan ini adalah hasil dari kemahuan dan keazaman tiap-tiap bakal haji yang menyimpan wang itu dengan cermatnya dari setahun ke setahun dengan cara yang difikirkan elok dan selamat oleh penyimpan-penyimpan itu masing-masing. Oleh itu maka timbullah satu hasrat untuk menyatukan cara bakal-bakal haji ini menyimpan wang mereka dengan satu jalan yang lebih mudah dan lebih selamat lagi.

Dengan tertubuhnya Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji ini, maka tentulah lebih senang dan teratur lagi bagi tiap-tiap orang Islam di Tanah Melayu ini yang berhajat menunaikan fardu Haji ke Maktul Musharrafah untuk menyimpan wang mereka dengan cara beransur-ansur dan halal di sisi Ugama. Wang simpanan mereka itu dijamin selamat oleh Kerajaan Persekutuan dan akan dikembalikan dengan sepenuhnya apabila wang simpanan itu hendak digunakan untuk keperluan Haji.

Maka tertanggunglah di atas Ahli-ahli Pengurus Besar dan sekalian Pegawai-pegawai Perbadanan suatu kewajipan yang besar lagi berat untuk memaju dan mengembangkan peranan Perbadanan ini sampai Perbadanan ini boleh menjadi suatu alat yang penting dalam usaha mengumpulkan wang berjuta-juta ringgit yang sampai sekarang masih lagi terpendam dengan begitu sahaja.

Selain daripada berkat dan pahala yang akan kita dapati bersama-sama dalam usaha kita membantu orang-orang Muslimin dan Muslimat sekalian menunaikan fardu haji itu, banyaklah lagi

munafaat yang akan kita perolehi. Terutama sekali, dengan adanya Perbadanan ini, orang-orang Muslimin dan Muslimat sekalian, lebih-lebih lagi mereka yang tinggal di kampung-kampung akan dapat mendidikkan diri mereka untuk berjimat cermat dalam perbelanjaan hari-hari. Wang-wang simpanan yang akan dikumpulkan itu akan memberi faedah bukan sahaja kepada diri penyimpan-penyimpan itu sendiri, tetapi juga kepada negara Persekutuan Tanah Melayu amnya.

Akhirnya, saya suka mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada kesemua Kerajaan Negeri atas sokongan penuh yang mereka telah berikan dan yang akan mereka berikan kepada Perbadanan ini baik dengan secara moral atau pun wang. Maka dengan adanya sokongan dan kerjasama ini, terlebih lagi dari kalangan alim ulama sekalian, tentu sekali Perbadanan ini akan mendapat kemajuan yang baik dan yang boleh dibanggakan. Di sini saya suka juga berseru kepada sekalian orang-orang Muslimin dan Muslimat sekalian supaya memberikan sokongan yang penuh dengan menyimpan kadar mana yang mampu dan boleh, kepada Perbadanan ini, yang wang simpanannya adalah dijamin selamat oleh Kerajaan dan akan dikembalikan sepenuhnya apabila dikehendaki untuk kegunaan haji, dengan cara-cara yang halal di sisi ugama.

Saya suka juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak terimakasih kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Haji dan sekalian pegawai-pegawai dan Jabatan-jabatan Kerajaan, termasuk juga pakar-pakar Iain yang tiada dapat saya sebutkan namanya di sini satu persatunya di atas usaha mereka sampai tertubuhnya Perbadanan ini.

Bagi pihak saya pula, saya akan mengikuti perjalanan Perbadanan ini dengan rapatnya dan saya menyeru kepada pegawai-pegawai Kerajaan sekalian supaya memberikan kerjasama mereka yang penuh kepada Perbadanan ini di dalam usahanya yang suci dan terpuji ini.

Kepada Ahli-ahli Perbadanan sekalian, saya ucapkan selamat bersidang pan selamat bermesyuarat.